



M A L A Y S I A

# Warta Kerajaan

## S E R I P A D U K A B A G I N D A

### DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 48  
No. 19

**16hb September 2004**

*TAMBAHAN No. 97*  
*PERUNDANGAN (A)*

---

**P.U. (A) 317.**

AKTA PEMEGANG PAJAK GADAI 1972

PERATURAN-PERATURAN PEMEGANG PAJAK GADAI (KAWALAN  
DAN PELESENAN) 2004

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 45 Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Pelesenan) 2004**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“iklan” ertinya apa-apa pemberitahuan atau pemakluman mengenai pemegangan pajak gadai—

(a) yang disiarkan dalam mana-mana akhbar, jurnal atau majalah, atau dalam bentuk brosur atau apa-apa bentuk lain;

- (b) dipamerkan pada mana-mana papan dendeng, papan-papan, bumbung, dinding, pagar pancang, pagar, bingkai, papan tanda, plat, kain, palang, tiang, tonggak, tuangan dawai atau lain-lain binaan, struktur atau rekaan;
- (c) disampaikan melalui filem atau komunikasi; atau
- (d) disampaikan dengan cara lain sama ada lisan atau tulisan dan sama ada dari jenis yang sama atau tidak sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (a) hingga (c);

“perayu” ertinya orang yang berhasrat untuk merayu daripada—

- (a) keengganan oleh Pendaftar untuk—
  - (i) memberi lesen;
  - (ii) memperbaharui suatu lesen;
  - (iii) memberi permit iklan; atau
  - (iv) memperbaharui permit iklan; atau
- (b) pengenaan apa-apa syarat oleh Pendaftar dalam—
  - (i) lesen;
  - (ii) pembaharuan lesen;
  - (iii) permit iklan; atau
  - (iv) pembaharuan permit iklan,

kepada Menteri;

“komunikasi” ertinya apa-apa komunikasi, sama ada antara orang dengan orang, benda dengan benda, atau orang dengan benda, dalam bentuk bunyi, data, teks, imej gambar tampak, isyarat atau apa-apa bentuk lain atau gabungan mana-mana bentuk tadi, dan termasuklah internet;

“filem” termasuk—

- (a) filem sinematografi;
- (b) pita video;
- (c) cakera padat;
- (d) cakera padat video;
- (e) cakera video digital; dan
- (f) suatu rekod, tidak kira bagaimana sekalipun dibuat, bagi suatu urutan imej gambar tampak, yang merupakan suatu rekod yang dapat digunakan sebagai suatu cara untuk menunjukkan urutan itu sebagai suatu gambar bergerak.

## BAHAGIAN II

### PERMOHONAN BAGI LESEN DAN PERMIT IKLAN

#### **Permohonan bagi lesen**

3. (1) Seseorang pemohon lesen di bawah seksyen 7 Akta hendaklah—
  - (a) mengemukakan permohonannya dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual A berserta dengan apa-apa dokumen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual; dan
  - (b) membekalkan apa-apa butir atau maklumat relevan lain yang dikehendaki oleh Pendaftar.
- (2) Seseorang pemohon lesen yang mengemukakan apa-apa kenyataan mengelirukan, representasi atau perihal palsu mengenai butir-butir atau maklumat yang dikehendaki di bawah subperaturan (1), melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.
- (3) Pendaftar boleh memberi sesuatu lesen dengan mengenakan atau tidak mengenakan apa-apa syarat ke atasnya atau enggan memberi sesuatu lesen.
- (4) Fi yang kena dibayar bagi sesuatu lesen ialah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual B dan hendaklah dibayar sepenuhnya oleh pemohon sebelum lesen itu dikeluarkan.
- (5) Suatu lesen adalah dikehendaki bagi setiap premis yang menjalankan perniagaan pajak gadai.
- (6) Sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual C.

#### **Akuan berkanun**

4. Pendaftar hendaklah, sebelum mengeluarkan sesuatu lesen, menghendaki pemohon untuk mengemukakan suatu akuan berkanun sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual D.

#### **Pembaharuan lesen**

5. (1) Seseorang pemohon bagi pembaharuan lesen hendaklah—
  - (a) mengemukakan permohonan dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual E;
  - (b) memberi butir-butir mengenai apa-apa perubahan pada syarikatnya; dan
  - (c) membekalkan butir-butir atau maklumat lain yang relevan sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(2) Pendaftar boleh memberi pembaharuan lesen dengan mengenakan atau tidak mengenakan apa-apa syarat ke atasnya atau enggan memberi pembaharuan lesen.

(3) Fi yang kena dibayar bagi pembaharuan sesuatu lesen ialah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual B dan hendaklah dibayar sepenuhnya oleh pemohon sebelum lesen yang diperbaharui itu dikeluarkan.

(4) Seseorang pemohon bagi pembaharuan suatu lesen yang mengemukakan apa-apa kenyataan mengelirukan, representasi atau perihal palsu mengenai butir-butir atau maklumat yang dikehendaki di bawah subperaturan (1), melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(5) Sesuatu lesen yang diperbaharui di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual F.

## **Iklan**

6. (1) Tiada iklan boleh dibuat oleh mana-mana pemegang pajak gadai kecuali dengan kelulusan Pendaftar.

(2) Apa-apa iklan pajak gadai hendaklah mengikut spesifikasi yang diluluskan oleh Pendaftar.

(3) Seseorang pemohon permit iklan hendaklah—

(a) mengemukakan permohonannya dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual G berserta dengan apa-apa dokumen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual; dan

(b) membekalkan apa-apa butir atau maklumat relevan lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(4) Seseorang pemohon permit iklan yang mengemukakan apa-apa kenyataan mengelirukan, representasi atau perihal palsu mengenai butir-butir atau maklumat yang dikehendaki di bawah subperaturan (3), melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(5) Pendaftar boleh meluluskan permohonan bagi permit iklan dengan mengenakan atau tidak mengenakan apa-apa syarat ke atas permit itu atau enggan meluluskan permohonan itu.

(6) Mana-mana orang yang gagal untuk mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan dalam mana-mana permit iklan melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(7) Fi yang kena dibayar bagi kelulusan permit iklan ialah dua ratus ringgit bagi suatu tempoh selama satu tahun atau sebahagian dari tempoh itu dan hendaklah dibayar sepenuhnya oleh pemohon sebelum permit itu dikeluarkan.

(8) Sesuatu permit iklan yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual H.

(9) Tempoh kesahan sesuatu permit iklan yang diluluskan tidak boleh melebihi tempoh kesahan sesuatu lesen.

(10) Tiada perubahan, pindaan atau pengubahan kepada permit iklan boleh dibuat melainkan dengan kelulusan Pendaftar dan tertakluk kepada bayaran sebanyak dua ratus ringgit.

(11) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (10) melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

### **Pembaharuan permit iklan**

7. (1) Suatu permohonan bagi pembaharuan permit iklan boleh dibuat tidak lewat daripada enam puluh hari sebelum habis tempoh permit itu dan hendaklah—

(a) dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual I berserta dengan apa-apa dokumen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual; dan

(b) disertakan dengan butir-butir atau maklumat lain yang relevan sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(2) Seseorang pemohon bagi pembaharuan permit iklan yang mengemukakan apa-apa kenyataan mengelirukan, representasi atau perihal palsu mengenai butir-butir atau maklumat yang dikehendaki di bawah subperaturan (1), melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(3) Pendaftar boleh meluluskan permohonan bagi pembaharuan permit iklan dengan mengenakan atau tidak mengenakan apa-apa syarat ke atasnya atau enggan meluluskan permohonan itu.

(4) Mana-mana orang yang gagal mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan dalam permit iklan yang diperbaharui melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(5) Fi yang kena dibayar bagi pembaharuan sesuatu permit iklan ialah dua ratus lima puluh ringgit bagi suatu tempoh selama setahun atau sebahagian dari tempoh itu dan hendaklah dibayar sepenuhnya oleh pemohon sebelum permit yang diperbaharui itu dikeluarkan.

(6) Tempoh kesahan sesuatu permit iklan yang diperbaharui tidak boleh melebihi tempoh kesahan sesuatu lesen.

(7) Sesuatu permit iklan yang diperbaharui di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual J.

### **Butir-butir dalam iklan**

8. (1) Apa-apa iklan yang dibuat oleh mana-mana pemegang pajak gadai hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

(a) nombor lesen pemegang pajak gadai dan tarikh kesahannya;

(b) nombor permit iklan dan tarikh kesahannya;

- (c) nama, alamat dan nombor telefon pemegang pajak gadai; dan
- (d) kadar faedah yang ditawarkan.

(2) Pendaftar boleh mengecualikan mana-mana iklan berkenaan dengan pemegang pajak gadai yang dipamerkan dipremis pemegang pajak gadai itu dari mana-mana butir yang ditetapkan dalam subperaturan (1).

(3) Seseorang pemegang pajak gadai hendaklah mengeluarkan risalah dalam bahasa kebangsaan berkenaan dengan perniagaan pajak gadainya kepada setiap pemajak gadai secara percuma.

(4) Tertakluk kepada subperaturan (2), mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

#### **Iklan tidak boleh mengandungi perihal tertentu**

9. (1) Apa-apa nama dalam apa-apa bahasa bagi mana-mana perniagaan pajak gadai yang dicadang untuk dinamakan atau apa-apa lambang yang digunakan berhubungan dengannya tidak boleh mengandungi apa-apa jua yang membayangkan atau dikira membayangkan—

- (a) penaungan Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana anggota keluarga Baginda;
- (b) penaungan Ketua Negeri bagi mana-mana Negeri dalam Malaysia atau mana-mana keluarganya;
- (c) apa-apa hubungan dengan—
  - (i) Kerajaan Persekutuan;
  - (ii) Kerajaan mana-mana Negeri dalam Malaysia;
  - (iii) mana-mana Majlis Bandar Raya atau Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah;
  - (iv) mana-mana pertubuhan atau badan yang ditubuhkan dan diperbadankan oleh undang-undang;
  - (v) mana-mana bangunan awam; atau
  - (vi) mana-mana tempat awam; atau
- (d) apa-apa hubungan dengan Kerajaan mana-mana negara asing atau dengan Bangsa-Bangsa Bersatu.

(2) Peraturan ini adalah sebagai tambahan kepada dan tidak mengurangkan peruntukan-peruntukan Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963 [Akta 414].

#### **Terma atau syarat hendaklah sama dengan iklan**

10. Jika sesuatu terma atau syarat dalam sesuatu transaksi pemajakgadaian tidak sama dengan butir-butir dalam iklan yang diiklankan oleh pemegang pajak gadai, maka terma atau syarat itu hendaklah, setakat ketaksamaan itu, disifatkan sebagai terbatal.

## **Butir-butir dalam buku**

11. (1) Hendaklah dimasukkan ke dalam buku yang disimpan di bawah seksyen 14 Akta, butir-butir yang berikut:

- (a) nombor siri sandaran itu, jika ada;
- (b) tarikh pemajakgadaian;
- (c) perihal yang terperinci bagi setiap sandaran yang diterima, termasuklah—
  - (i) nama;
  - (ii) jenama, jika ada;
  - (iii) material;
  - (iv) berat; dan
  - (v) panjang;
- (d) anggaran nilai sandaran;
- (e) jumlah pinjaman yang dibuat atasnya;
- (f) keuntungan yang dikenakan;
- (g) tarikh akhir untuk sandaran itu boleh ditebus;
- (h) nama, umur, jantina, kerakyatan, nombor kad pendaftaran negara, nombor pasport (bagi orang asing) dan alamat pemajak gadai;
- (i) jika pemajak gadai bukan pemilik sandaran yang dipajak gadai, nama, umur, jantina, kerakyatan, nombor kad pengenalan pendaftaran negara, nombor pasport (bagi orang asing) dan alamat pemilik;
- (j) tarikh sandaran ditebus;
- (k) nama, umur, jantina, kerakyatan, nombor kad pengenalan pendaftaran negara, nombor pasport (bagi orang asing) dan alamat orang yang menebus sandaran itu;
- (l) butir-butir insurans di bawah peraturan 23; dan
- (m) tarikh dan nombor siri surat pajak gadai yang dikeluarkan.

(2) Catatan dalam buku hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan hendaklah dibuat pada hari yang sandaran itu dipajak gadai dan ditebus.

## **Surat pajak gadai**

12. Surat pajak gadai yang diserahkan kepada pemajak gadai oleh pemegang pajak gadai hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual K dan hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) nama, gelaran dan alamat pemegang pajak gadai;
- (b) perihal terperinci mengenai sandaran yang dipajak gadai;
- (c) nombor siri sandaran yang dipajak gadai sebagaimana yang dicatat dalam buku pemegang pajak gadai;

- (d) jumlah pinjaman yang dibuat atasnya;
- (e) keuntungan yang dibenarkan oleh Peraturan-Peraturan ini untuk dikenakan;
- (f) keuntungan yang dikenakan;
- (g) tarikh akhir untuk sandaran itu boleh ditebus;
- (h) tarikh pemajakgadaian;
- (i) nama, umur, jantina, kerakyatan, nombor kad pendaftaran negara, nombor pasport (bagi orang asing) dan alamat pemajak gadai;
- (j) jika pemajak gadai bukan pemilik kepada sandaran yang dipajak gadai, nama, umur, jantina, kerakyatan, nombor kad pengenalan pendaftaran negara, nombor paspot (bagi orang asing) dan alamat pemilik; dan
- (k) butir-butir insuran di bawah peraturan 23.

### **Rekod jualan secara lelong**

13. Seseorang pemegang pajak gadai hendaklah menyenggara suatu buku bagi maksud mencatatkan semua jualan sandaran yang tidak ditebus di bawah subseksyen 23(1)(b) Akta dan buku itu hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) perihal mengenai sandaran yang dijual;
- (b) nombor siri sandaran seperti yang dicatatkan dalam buku pemegang pajak gadai;
- (c) amaun yang dipinjamkan atas sandaran itu;
- (d) tarikh pemajakgadaian;
- (e) keuntungan yang dikenakan;
- (f) keuntungan yang patut dibayar;
- (g) fi yang dikenakan oleh pelelong;
- (h) harga yang diperoleh pada jualan itu;
- (i) nama, umur, jantina, kerakyatan, nombor kad pengenalan pendaftaran negara, nombor pasport (bagi orang asing) dan alamat pembeli itu; dan
- (j) tarikh jualan secara lelong.

### **Tatacara dalam lelongan**

14. (1) Bagi maksud perenggan 23(1)(b) Akta, tatacara yang berikut hendaklah diikuti—

- (a) setiap lelongan hendaklah diadakan dalam tujuh hari yang pertama dalam sesuatu bulan pada masa dan tempat yang diluluskan oleh Pendaftar. Sekurang-kurangnya, sepuluh hari notis secara bertulis bagi tiap-tiap lelongan hendaklah diberikan oleh pelelong kepada Pendaftar

dan kepada orang awam. Notis tersebut hendaklah ditampal di tempat yang mudah dilihat yang memuaskan hati Pendaftar, dengan menyatakan—

- (i) sandaran yang akan dilelong;
  - (ii) nama pemegang pajak gadai dan alamat perniagaan;
  - (iii) tarikh setiap sandaran dipajak gadai;
  - (iv) tempat, tarikh dan masa lelongan akan diadakan;
  - (v) nombor catatan bagi setiap sandaran sebagaimana yang dicatatkan pada masa pemajakgadaian itu dalam buku sandaran; dan
  - (vi) tempat dan masa sandaran itu boleh diperiksa oleh orang awam,
- (b) jika pelelong mengendalikan suatu lelongan bagi lebih daripada seorang pemegang pajak gadai maka dia hendaklah menyenggara senarai sandaran yang berasingan bagi setiap pemegang pajak gadai;
  - (c) setiap pemegang pajak gadai hendaklah menyerahkan kepada pelelong apa-apa sandaran untuk dilelong yang ditiket dan dinomborkan dengan sewajarnya sebelum masa lelongan itu akan dikendalikan sebagaimana yang dipersetujui antara pelelong dengan pemegang pajak gadai;
  - (d) pelelong hendaklah memuaskan hatinya bahawa pemajak gadai yang berkenaan telah diberitahu oleh pemegang pajak gadai yang berkenaan melalui surat berdaftar sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum lelongan itu diadakan;
  - (e) setiap lelongan hendaklah diadakan di suatu tempat yang terbuka kepada orang awam dan cukup luas untuk menampung pembeli yang berhajat;
  - (f) lelongan hendaklah dijalankan di hadapan seorang Inspektor yang hendaklah mengemukakan suatu laporan dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual L;
  - (g) harga rizab bagi setiap sandaran hendaklah amanun pinjaman yang atasnya pinjaman itu dibuat dicampur sepuluh peratus amanun tersebut;
  - (h) pembida tertinggi bagi setiap sandaran hendaklah diisyiharkan pembeli yang berjaya;
  - (i) pelelong hendaklah dalam masa tiga hari selepas lelongan itu mengemukakan suatu laporan terperinci mengenai keputusan lelongan itu kepada pemegang pajak gadai masing-masing; dan
  - (j) pemegang pajak gadai hendaklah menyimpan laporan yang diterimanya daripada pelelong bagi suatu tempoh tiga tahun dari tarikh penerimaan itu dan hendaklah menjadikannya boleh diperiksa jika dikehendaki oleh seseorang Inspektor.
- (2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

### **Penyata jualan**

15. Bagi maksud subseksyen 25(1) Akta, penyata yang dikehendaki untuk dikemukakan oleh seseorang pemegang pajak gadai kepada pemajak gadai hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual M.

### **Senarai jualan**

16. Bagi maksud subseksyen 23(3) Akta, senarai yang dikehendaki untuk dihantar oleh seseorang pemegang pajak gadai kepada Pendaftar hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual N.

### **Kadar keuntungan**

17. Keuntungan yang diambil oleh seseorang pemegang pajak gadai ke atas mana-mana pinjaman yang diberi pinjam olehnya hendaklah pada kadar tidak melebihi dua peratus sebulan atau sebahagian daripadanya campur caj pengendalian sebanyak lima puluh sen bagi mana-mana pinjaman yang melebihi sepuluh ringgit.

### **Penyata kepada Akauntan Negara**

18. Bagi maksud seksyen 26 Akta, penyata yang disertakan dengan apa-apa bayaran bagi lebihan yang tidak dituntut kepada Akauntan Negara hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual O.

## **BAHAGIAN III**

### **RAYUAN**

#### **Cara rayuan**

19. (1) Seseorang perayu yang terkilan oleh keputusan Pendaftar di bawah seksyen 11 Akta dan subperaturan 3(3), 5(2), 6(5) atau 7(3) boleh, dalam masa empat belas hari selepas diberitahu mengenai keputusan itu, merayu secara bertulis terhadap keputusan itu kepada Menteri, dan keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan di mana-mana mahkamah.

(2) Rayuan hendaklah dalam bahasa kebangsaan, dan boleh disertakan dengan terjemahannya dalam bahasa Inggeris.

(3) Perayu hendaklah menyatakan alasan rayuannya.

(4) Perayu hendaklah pada masa yang sama menyampaikan sesalinan rayuan itu kepada Pendaftar.

(5) Pendaftar hendaklah, dalam masa empat belas hari dari tarikh penyampaian rayuan itu kepadanya, mengemukakan alasannya bagi keputusan itu kepada Menteri.

## **Keputusan Menteri**

20. (1) Apabila Menteri telah membuat sesuatu keputusan mengenai sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah dalam masa tujuh hari dari tarikh dia dimaklumkan mengenai keputusan itu, memaklumkan perayu mengenai keputusan itu.

(2) Jika sesuatu keputusan mengenai pemberian atau pembaharuan sesuatu lesen atau pemberian sesuatu iklan dibuat memihak kepada perayu, maka Pendaftar hendaklah mengeluarkan atau memperbaharui lesen atau mengeluarkan permit iklan, mengikut mana-mana yang berkenaan, tertakluk kepada bayaran fi yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

## **BAHAGIAN IV**

### **PELBAGAI**

#### **Urusniaga pemajakgadaian dibuat di alamat berdaftar**

21. (1) Tiap-tiap urusniaga pemajakgadaian hendaklah dibuat oleh pemegang pajak gadai dan pemajak gadai dalam alamat perniagaan berdaftar pemegang pajak gadai itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

#### **Pemegang pajak gadai hendaklah menghantar penyata**

22. (1) Pemegang pajak gadai hendaklah, tidak lewat daripada hari pertama bulan Februari setiap tahun, menghantar kepada Pendaftar suatu penyata mengandungi apa-apa maklumat yang ditentukan oleh Pendaftar dari semasa ke semasa.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

#### **Pemegang pajak gadai menginsuranskan sandaran**

23. (1) Pemegang pajak gadai hendaklah, pada setiap masa, menyebabkan tiap-tiap sandaran dalam milikannya diinsuranskan dari semua risiko.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini dan hendaklah apabila disabitkan dipenjara tidak melebihi dua bulan.

#### **Penalti am**

24. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

## **Anggapan**

25. Mana-mana orang yang nama atau butir-butirnya terdapat dalam mana-mana iklan pemajakgadaian hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, dianggap sebagai orang yang bertanggungjawab bagi iklan itu.

## **Carian dokumen**

26. Mana-mana orang adalah, atas bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual P, berhak semasa waktu pejabat di pejabat Pendaftar untuk membuat carian, pemeriksaan dan mendapatkan salinan mana-mana dokumen yang ditetapkan dalam Jadual itu.

## **Pemansuhan dan kecualian**

27. (1) Peraturan-Peraturan Pemegang Pajak Gadai, 1972 [P.U. (A) 412/1972], yang disebut sebagai “Peraturan-Peraturan yang dimansuhkan”, dengan ini dimansuhkan.

(2) Bagi maksud peraturan ini—

“tarikh ditetapkan” erti tarikh yang Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa;

“tempoh peralihan” erti tempoh antara 1 Januari 2004 hingga tarikh ditetapkan.

(3) Mana-mana pemegang pajak gadai yang telah dikeluarkan lesen di bawah Peraturan-Peraturan yang dimansuhkan sebaik sebelum 1 Januari 2004 boleh terus menjalankan perniagaan pajak gadai dalam tempoh peralihan dan hendaklah disifatkan telah dilesenkan dengan sewajarnya di bawah Peraturan-Peraturan yang dimansuhkan sepanjang tempoh demikian.

(4) Dalam tempoh peralihan itu, pemegang pajak gadai hendaklah membayar fi bulanan yang patut dibayar olehnya sebaik sebelum 1 Januari 2004 dan hendaklah terus tertakluk kepada peruntukan Peraturan-Peraturan yang dimansuhkan seolah-olah Peraturan-Peraturan yang dimansuhkan tidak dimansuhkan oleh Peraturan-Peraturan ini.

(5) Pemegang pajak gadai yang disebut dalam subseksyen (3), hendaklah pada bila-bila masa yang segera selepas tarikh ditetapkan tetapi tidak lewat daripada tiga bulan selepas tarikh mula kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, memohon bagi suatu lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(6) Setiap surat pajak gadai yang diserahkan kepada seseorang pemajak gadai oleh pemegang pajak gadai di bawah Peraturan-Peraturan yang dimansuhkan hendaklah terus berkuat kuasa dan hendaklah disifatkan telah ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

**JADUAL A**

**AKTA PEMEGANG PAJAK GADAI 1972**

PERATURAN-PERATURAN PEMEGANG PAJAK GADAI (KAWALAN DAN PELESENAN) 2004

(Perenggan 3(1)(a))

**PERMOHONAN BAGI LESEN PEMEGANG PAJAK GADAI**

Kepada,

Pendaftar Pemegang Pajak Gadai,

\*Saya/Kami, yang bertandatangan di bawah ini dengan ini memohon lesen pemegang pajak gadai mengikut peruntukan-peruntukan di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 dan Peraturan-Peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Pelesenan) 2004 dan bagi maksud mematuhi peruntukan-peruntukan tersebut, \*saya/kami mengemukakan butir-butir yang berikut:

1. (a) Jika pemohon adalah pemilik tunggal—

- (i) sesalinan kad pengenalan yang disahkan;
- (ii) sesalinan Borang J (borang cukai pendapatan) yang disahkan bagi tempoh dua tahun yang lalu dan sesalinan penyata akaun bank 3 bulan yang lalu;
- (iii) sesalinan akuan berkanun seperti yang dinyatakan dalam Jadual D; dan
- (iv) sesalinan yang disahkan Borang D dan Borang A atau Borang B di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

(b) Jika pemohon adalah sebuah firma, persatuan, kumpulan orang atau syarikat—

- (i) sesalinan kad pengenalan yang disahkan bagi setiap pekongsi, pemegang jawatan atau lembaga pengarah;
- (ii) sesalinan yang disahkan akaun atau akaun pengurusan beraudit yang terkini;
- (iii) sesalinan akuan berkanun bagi setiap pekongsi, pemegang jawatan atau lembaga pengarah seperti yang dinyatakan dalam Jadual D;
- (iv) sesalinan yang disahkan butir-butir dalam Borang 9, 13, 24, 44, 49 (mana yang berkenaan) dan borang penyata keuntungan tahunan terkini di bawah Akta Syarikat 1965 (bagi syarikat sahaja); dan
- (v) sesalinan disahkan Borang D dan Borang A atau Borang B di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (bagi selain syarikat).

2. \*Saya/Kami (jika pemohon bukan pemilik tunggal) mengemukakan juga dokumen-dokumen yang berikut yang telah disahkan:

- (a) syarikat berhad – sesalinan Memorandum dan Artikel Persatuan;
- (b) firma – sesalinan sijil pendaftaran perniagaan dan sesalinan perjanjian perkongsian;
- (c) persatuan – sesalinan perlombagaan, kaedah-kaedah atau undang-undang kecil; atau
- (d) kumpulan orang – sesalinan perjanjian di antara atau di kalangan orang-orang yang membentuk kumpulan.

3. Butir-butir Pemegang Pajak Gadai—

(a) Nama syarikat atau perniagaan atau persatuan .....

.....;  
.....;

(b) Nombor pendaftaran syarikat atau perniagaan atau persatuan .....

.....;

(c) Alamat berdaftar syarikat atau perniagaan atau persatuan .....  
.....;

(d) Nombor telefon.....;

(e) Taraf organisasi (seperti syarikat berhad, perkongsian dsb.) .....  
.....; atau

(f) Cadangan alamat perniagaan (jika ia berbeza daripada alamat dalam (c)) .....  
.....  
.....  
.....

4. Butir-butir pemegang jawatan dalam organisasi—

<i>Nama Penuh</i>	<i>Jawatan</i>	<i>Nombor Kad Pengenalan</i>	<i>Kerakyatan</i>	<i>Alamat Kediaman</i>

(jika—

- (i) syarikat berhad—Lembaga Pengarah
- (ii) pemilik tunggal/firma—Pemilik atau pakongsi-pekongsi
- (iii) persatuan atau kumpulan orang—pemegang jawatan)

5. Jumlah modal berbayar/perniagaan: RM .....

<i>Pecahan pemilikan syarikat/perniagaan</i>	<i>Peratus (%)</i>
Warganegara Malaysia	
Warganegara asing:	
(i) Individu	
(ii) Kumpulan (dua orang atau lebih)	

Dan \*saya/kami dengan ini mengaku sepanjang pengetahuan \*saya/kami bahawa butir-butir di atas adalah benar. \*Saya/Kami faham bahawa apa-apa kenyataan mengelirukan, representasi atau perihal palsu butir-butir di atas adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Pelesenan) 2004.

Tarikh:.....

.....

(Tandatangan Pemohon#)

.....

(Nama)

.....

(Nombor Kad Pengenalan)

.....

(Jawatan)

.....

(Cop atau meterai organisasi, jika berkenaan)

Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja			
	Ya	Tidak	Ulasan
1. Sesalinan kad pengenalan yang disahkan bagi pemohon, atau sesalinan kad pengenalan bagi setiap pekongsi, pemegang jawatan atau lembaga pengarah.			
2. Sesalinan yang disahkan akaun beraudit atau akaun pengurusan beraudit terkini.			
3. Sesalinan Borang J yang disahkan bagi tempoh dua tahun yang lalu dan sesalinan penyata akaun bank.			
4. Sesalinan akaun berkanun sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual D.			

	Ya	Tidak	Ulasan
5. Sesalinan yang disahkan Borang D dan Borang A atau Borang B di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.			
6. Sesalinan yang disahkan Borang 9, 13, 24, 44 dan 49 dan borang penyata keuntungan tahunan terkini di bawah Akta syarikat 1965.			
7. Sesalinan Memorandum dan Artikel Persatuan atau sijil pendaftaran perniagaan dan sesalinan perjanjian perkongsian, jika ada, atau sesalinan perlombagaan, kaedah-kaedah atau undang-undang kecil persatuan atau sesalinan perjanjian di antara atau di kalangan orang-orang yang membentuk kumpulan.			

Permohonan diperiksa oleh—

.....  
*(Tandatangan)*

.....  
*(Nama/Jawatan)*

Tarikh: .....

Cadangan:.....  
.....  
.....

.....  
(Tandatangan)

.....  
(Nama/Jawatan)

Tarikh:.....

**Permohonan \*diluluskan/ditolak.**

.....  
(Pendaftar Pemegang Pajak Gadai)

.....  
(Nama)

Tarikh:.....

\*Potong jika tidak berkenaan.

